



مجلس فریدران تاپینگ
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping.

**KENYATAAN TAWARAN UNTUK PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN DAN
PENGANGKUTAN SAMPAH DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah Kod Bidang **221002 (membersih kawasan) / 221003 (mengangkat sampah)** serta syarikat berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** yang masih sah pendaftarannya untuk menyertai tender berikut:

NO. RUJUKAN TAWARAN	BUTIRAN-BUTIRAN TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN
MPT/JPBK/T/69/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 1 ZON A Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	RM 150.00 senaskhah
MPT/JPBK/T/70/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 2 ZON B Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	
MPT/JPBK/T/71/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 3 ZON C Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	
MPT/JPBK/T/72/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 4 ZON D Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	
MPT/JPBK/T/73/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 5 ZON E Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	
MPT/JPBK/T/74/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 6 ZON F Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	
MPT/JPBK/T/75/19	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Bagi Kawasan 7 ZON G Di Majlis Perbandaran Taiping Selama Dua (2) Tahun	

1. Dokumen Tender boleh diperolehi daripada waktu pejabat mulai **9 JULAI 2019** sehingga **30 JULAI 2019** antara jam **8.00 PAGI** sehingga **4.00 PETANG** di Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, Tingkat 2, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak.
2. Satu taklimat akan diadakan pada tarikh **9 JULAI 2019**, jam **10.00 pagi** di Tingkat 7, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping. Kehadiran adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki tender ini. **Wakil adalah tidak dibenarkan.**
3. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah pendaftarannya sahaja dan bagi maksud ini kontraktor hendaklah membawa dan mengemukakan **Sijil Asal KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA beserta salinannya (tidak dikembalikan)** semasa membeli dokumen tersebut. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan dokumen tender tidak akan dikeluarkan.

4. Dokumen Tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditulis No. Tender di penjuru sebelah kiri sampul berkenaan. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Wisma Perbandaran, Majlis Perbandaran Taiping **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari** pada tarikh **30 JULAI 2019**. Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan ditolak.
5. Semua kos dan belanja yang terbit dan terakibat daripada tawaran tender tersebut adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.
6. Majlis Perbandaran Taiping tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Majlis Perbandaran Taiping berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping
Jalan Taming Sari
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan**

s.k. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak
No. 11 Lot Pt 138197,
Jalan Panglima Bukit Gantang,
30000 Ipoh, Perak
(Fax: 05-2555207)

Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Perak
Daerah Larut, Matang & Selama, Taiping
Tingkat 1, Bangunan MARA,
Jalan Kamunting, 34600 Kamunting, Perak
(Fax: 05-8050348)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

Pen. Pengarah Khidmat Pengurusan
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Taiping

Jabatan Akaun dan Kewangan (Bagi Tujuan Urusan Buka Tender. Tarikh Tutup Tender Pada
Majlis Perbandaran Taiping **30 JULAI 2019**)